

21 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Haniff)

HANIFF PUAS HATI SIASATAN POLIS TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar hari ini memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, beliau berpuas hati dengan siasatan Cawangan Khas (SB) polis berhubung kes salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata tindakan SB melaporkan kepada beliau mengenai salah laku Anwar dan tidak membuat laporan polis mengenainya adalah betul dan mengikut peraturan biasa dalam cawangan tersebut.

"Selaku IGP ketika itu, saya berpuas hati bahawa siasatan telah dilaksanakan dengan tertib dan mengikut lunas-lunas yang lazimnya digunakan dalam Cawangan Khas," katanya pada perbicaraan kes liwat yang membabitkan bekas timbalan perdana menteri itu dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Anwar, 51, dituduh meliwat Azizan Abu Baka, bekas pemandu peribadi isterinya, di no. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini pada 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, 38, juga menghadapi tuduhan yang sama dan satu lagi tuduhan iaitu bersubhat dengan Anwar dalam melakukan kesalahan itu pada masa, tarikh dan di tempat yang sama.

Menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Haniff berkata, seorang lagi yang menurut laporan SB mempunyai perhubungan seksual dengan Anwar ialah Dr Munawar.

(Dr Munawar Anees ialah bekas penulis ucapan Anwar)

Sabtu lepas, Haniff memberitahu mahkamah bahawa Anwar mempunyai perhubungan seksual dengan tiga orang -- dua daripadanya dinamakannya sebagai Sukma dan Mior Abdul Razak Yahya, seorang pereka fesyen.

Katanya, selaku IGP, beliau hanya bertanggungjawab kepada Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dan akan hanya memberi taklimat kepada kedua-duanya hanya mengenai hal keselamatan dalam negeri dan jenayah, tidak politik kecuali ada unsur-unsur keselamatan dalam kegiatan politik berkenaan.

Ketika menerima maklumat mengenai salah laku Anwar pada 1993, kedua-dua jawatan itu disandang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu, semasa soalan balas oleh peguam bela Anwar, Karpal Singh, Haniff menjelaskan bahawa ganjaran sebanyak RM100,000 sebulan yang diterimanya kini termasuk bayaran gaji, elaun, pencen serta sewa rumah dari hartanah yang dimilikinya.

Haniff, yang menganggotai lembaga pengarah dalam enam syarikat, berkata beliau tidak mempunyai sebarang ekuiti dalam Binariang (yang beliau adalah pengerusinya) tetapi dibayar elaun sebanyak RM20,000 sebulan.

Mengenai kemasukannya dalam lembaga pengarah Kumpulan Genting Bhd, Haniff berkata ia adalah kehendak Tan Sri Lim Goh Tong, pengerusi eksekutif kumpulan syarikat itu, yang mengenali beliau sejak 1974.

"Anak lelaki Lim yang menjadi Pengarah Urusan Genitng Bhd adalah anggota Kelab Badminton Sri Aman yang saya anggotai manakala menantu lelaki Lim pula adalah bekas rakan sedarjah saya," kata Haniff.

Beliau juga mengakui pernah memiliki sebanyak 11 juta saham Kentucky Fried Chicken yang dikongsinya bersama beberapa orang lagi tetapi telah dijual dan penjualannya itu menyebabkan beliau kerugian sebanyak RM75,000.

"Saya berpendapat cukuplah mengenai perkara ini. Tolong jangan sambung soalan sedemikian," kata Hakim Datuk Arifin Jaka kepada Karpal.

Haniff berkata, walaupun beliau timbalan pengerusi Genting, beliau

tidak menguruskan operasi syarikat itu.

Selain perniagaan perjudian, Kumpulan Genting juga membabitkan diri dalam aktiviti perniagaan lain seperti perhotelan, pengeluaran kertas, perladangan dan pemprosesan minyak kelapa sawit.

-- BERNAMA

RA MAI